

UNDI PAS = UNDI BN
Chedet.cc
11 September 2017
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Sejak ia ditubuh PAS tidak pernah menang di peringkat nasional, untuk menjadi Kerajaan, terutama di waktu bertanding tersendiri. Adakala PAS menang hanya satu kerusi sahaja. Yang terbanyak ialah 11 kerusi. PAS hanya dapat berada dalam Kerajaan Pusat apabila ia menyertai Barisan Nasional.
2. Hakikatnya ialah hanya apabila PAS bergabung dengan parti lain, terutama apabila bergabung dengan DAP yang disebut oleh PAS sebagai, "tahaluf siyasi" baharulah PAS menang sebanyak 24 kerusi sekali dan 27 kerusi sekali. Tetapi gabungan yang disertai oleh PAS tidak dapat berdiri kerajaan pusat. Bahasa Arab tidak menjadi sesuatu perbuatan itu halal dan Islam semata-mata kerana disebut dalam bahasa Arab.
3. Dalam kebanyakan kawasan yang ditandingi oleh PAS, peranannya hanyalah sebagai pengacau iaitu pemecah undi pembangkang. PAS sendiri akan kalah dalam kebanyakan kawasan yang ditandingi dan kekal berada dalam barisan pembangkang. Tidak ada satu pun dari perjuangannya yang didakwa untuk Islam yang dapat dicapai olehnya sejak ia ditubuh.
4. Apabila dijemput untuk menyertai gabungan parti-parti yang menentang Najib dalam PRU 14, PAS meletak syarat yang tetap akan memecah dan mengurangkan undi bagi Pakatan Harapan. Syarat PAS sebenarnya akan memberi kemenangan kepada BN.
5. PAS tentu tahu kemenangannya di Pantai Barat dalam PRU 12 dan 13 disebabkan sokongan oleh DAP dan kaum Cina. Tanpa sokongan DAP, PAS biasanya kalah di Pantai Barat di mana jumlah pengundi Melayu tidak sebesar di Pantai Timur.
6. PAS juga tentu tahu jika perlawanan dua penjurua antara PAS dan BN di Pantai Barat dalam PRU 14, PAS akan kalah kerana tidak akan dapat undi orang Cina dan India dari penyokong Pakatan Harapan.
7. Yang jelas ialah jika PAS bertanding dalam PRU 14 berlawan dengan BN dan Pakatan Harapan maka undi orang Melayu akan terbahagi tiga. Dalam keadaan ini undi bagi PAS, walau pun kecil tetapi berkesan mengurangkan undi kepada P.H. sehingga kemenangan tetap akan diperolehi oleh Dato Sri Najib dan BN. Dengan perkataan lain dalam pertandingan tiga penjurua yang disebabkan oleh PAS meletak calon yang akan menang ialah Barisan Nasional pimpinan kleptokrat Najib, bukan PAS.
8. PAS mendakwa akan bertanding di semua 60 kawasan yang PAS bertanding dalam PRU 13, sama ada PAS menang atau kalah. Dengan itu besar kemungkinan PAS akan kalah lebih banyak dari PRU 13. Dalam PRU 14 PAS akan bertanding tiga penjurua dan undi DAP, Cina dan India tidak akan diperolehi oleh calon PAS.
9. Bagi PAS yang penting bukan bangsa, agama dan tanahair; yang diutamakan bukan pun penyingkiran Kerajaan kleptokrat Najib.
10. Bagi PAS yang penting ialah permusuhannya dengan Amanah dan DAP. Bagi PAS partinya lebih utama dari segala-galanya. Kalah pun tidak mengapa asalkan PAS bertanding.

11. Mereka yang membuat bai'ah kepada kepimpinan PAS dan taksab dengan parti, yang memecah-belah orang Melayu kerana kononnya penentang parti PAS adalah kafir dan berlawan dengan mereka adalah jihad, penyokong fanatik parti PAS ini perlu bertaubat kerana mereka mengikuti ajaran PAS yang bertentangan dengan ajaran agama Islam bahawa orang Islam itu bersaudara. Tiada ada siapa yang boleh kafirkan orang Islam kerana kelainan politik. Hentilah sembahyang dua imam yang masih dilakukan di Terengganu.

12. Sesungguhnya mengundi PAS adalah sama dengan mengundi BN dan mendokong perbuatan jenayah, rasuah dan mencuri yang diamal oleh BN pimpinan Najib. Dosa yang akan ditanggung pengamal jenayah akan ditanggung juga oleh mereka yang menyokong penjenayah. Oleh itu bertaubatlah wahai pemimpin dan ahli PAS.

10 thoughts on "UNDI PAS = UNDI BN"

1.



2. [Log in to Reply Sri Sense](#) Sep 13, 2017 9:57 AM

Salam Tun

Orang percaya PAS lagi ka?

Semakin ramai kawan sekeliling kaum Melayu melihat PAS sebagai sebuah parti politik yang tidak boleh dipercayai. Agak berbeza, kalau dulu undi PAS macam undi ulamak, sekarang dah terbalik. I memang tak percaya PAS dari dulu lagi, something sneaky about them. Mungkin sekarang ramai dah nampak, who knows.

To me, I guna pakai pengalaman Selangor, zaman Mat Taib superb, zaman Abu Hassan lemah, zaman Khir Toyo teruk, tukar kerajaan pada PR, cun balik.

3.



4. [Log in to Reply ridzwan](#) Sep 13, 2017 9:36 AM

Kalau tak diganggu, PAS cuma akan bertanding di kawasan yang mereka tandangi sebelum ini, menentang BN.

Kalau ada parti lain bertanding di kawasan berkenaan, menjadikannya pertandingan tiga penjur, itu bukan salah PAS. Yang memecahkan undi adalah parti lain yang bertanding di situ. Tak adil PAS dipersalahkan.

5.



6. [Log in to Reply sibotak](#) Sep 12, 2017 9:23 PM

Saya berharap PRU kedepan Kerajaan kita
Adalah Kerajaan yg Cepak , Amanah juga Ke Depan

Kerajaan Najib yg adalah Kerajaan Melayu yg Typical Melayu
Kerajaan Pak Cik Pak Cik ,Kerajaan Mak Bonda
Lembab, tidak ke Depan , Boros , banyak pembaziran dari Keuntungan
Lebih Gaya dari Buat, Tidak berasmi Padi
Tidal Professional langsung amat memalukan

Berharap Kerajaan akan datang
Lebih berfikiran ke Depan,Mampu mendogak melihat Dunia
Tidak menunduk macam Pengemis
Berdepan dengan Dunia Luar dengan berdiri tegap
Tidak Gentar Guruh di Langgit

7.



8. [Log in to Reply kalam putih](#)Sep 12,2017 9:45 AM

Malaysia Menuju PRU14: Bersendirian Atau Bekerjasama ?

Maka, bagi PAS, pilihan yang ada adalah sama ada berjuang secara bersendirian atau berkejasama dengan parti-parti yang lain bergantung kepada risiko mana yang ingin diambil. Jika bertanding secara bersendirian, risikonya adalah akan kalah dikebanyakkan kerusi yang telah dimenangi sebelum ini bahkan cengkaman ke atas negeri Kelantan juga berisiko untuk terlepas. Sebaliknya, menjalinkan kerjasama dengan parti-parti politik lain, maka mesti bersedia untuk bertolak ansur dengan prinsip perjuangan. Itu sahajalah pilihan yang ada dalam lanskap politik pilihanraya-demokrasi di Malaysia.

Artikel Penuh:

9.



10. [Log in to Reply rimba.emas](#)Sep 11,2017 11:24 PM

Salam Tun.

1. Harap kita rakyat biasa yang tidak memegang jawatan atau hanya jawatan peringkat terbawah lebih mementingkan agama bertuhankan yang disembah.
2. Ketika mengundi kita kena pilih Parti yang dapat memberi kebaikan kepada rakyat awam.
3. Satu contohnya hapuskan GST. Kenapa ? kita rakyat awam begitu terkesan kerana kita tidak hidup mewah seperti pemimpin – pemimpin BN begitu juga Parti Pembangkang.
4. Seorang rakyat yang bijak kita mengundi mengikut apa yang boleh meringankan beban kita bukan untuk kelebihan wakil yang kita pilih.

5. Sentiasalah ambil tahu bahawa orang yang kita pilih sudah pun ada kelebihan dari kita terutama dari segi kewangan dan jawatan.
6. Dalam keadaan sekarang hidup terbeban dengan kenaikan serta pelupusan bantuan maka tindakan sepatutnya ialah mengundi untuk kebaikan diri sendiri.
7. Lihatlah wakil yang kita pilih boleh hidup mewah sebab gaji yang di berikan kepada mereka tidak akan membebankan.
8. Janganlah kita tidak mahu mengundi pula bila berpendapat sama sahaja antara pemimpin ini.
9. Untuk berubah perlulah kita mengundi kerana melalui inilah kita dapat memilih Parti yang akan mengubah perkara-perkara yang tidak mahu kita buat.
10. Ingatlah sama ada kita dalam Parti-Parti mana pun pemimpin-pemimpin yang kita pilih sudah pun terjamin kehidupannya.
11. Cuma kita rakyat sahaja yang akan menghadapi masalah bila permintaan yang kita mahu tidak dapat dilaksanakan pemimpin itu.
12. Jadi yang mana lebih baik pilih kerana Parti, Pemimpin atau untuk kebaikan diri. Tepok dada tanya hati
13. Terbaik pilihlah kerana agama , negara dan kehidupan diri.
14. Kepada Tuhanlah kita berserah.

Wallahua'lam.

11.



12. [Log in to Reply](#) **asahamat** [Sep 11,2017 10:06 PM](#)

Assalamualaikum wbt Tun

Utk Selangor kekal sebagai Kjaan PH, caranya mudah sahaja:

Azmin Ali kena tunjuk dan buat politik berkerja. Hentikan politik melalak. Dah jadi Kjaan, buatlah kerja.

Politik Nasional PKR, biarlah kat Wan Azizah dll sahaja. Awak jaga Selagor seadil san sehebatnya sudah lah!

13.



14. [Log in to Reply](#) **asahamat** [Sep 11,2017 9:53 PM](#)

Assalamualaikum wbt Tun.

Firstly, apa langkah PH jika Parti ini tidak lulus ditubuhkan? Bagaimana strategi PH hendak maklumkan kpd rakyat, bhw PH wujud dan semangnya telah bersatu utk selamatkan rakyat dan Negara ini dari kebangkrapan oleh Najib MO1?

(2) Kedua, bagaimana PH hendak berdepan dgn rasuah politik BN? Contoh sebelum mengundi, rakyat katakanlah akan disogok dgn RM300-500 dan dijanjikan selepas BN menang akan diberi lagi katakan RM500-700. Juga bagaimana PH hendak tangkis gula2 BN di Felda? Sejumlah RM10-15b, tiada masalah utk Najib MO1 sediakan utk keperluan ini.

(3) Di antara semua BN, BN Sarawak adalah paling kukuh. Kedua2 PKR dan DAP tiada modal untuk tibai BN Sarawak di bawah Abang Johari. Isu pembalakan serta tanah NCR bukan lagi isu hangat di sana. Bahkan rasuah di bawah Abang Johari belum lagi tampak berkembang. Pokoknya, susah utk rakyat Sarawak berkata "enough is enough bagi BN Negeri". Even semasa PRN 2016, jelas poster Najib MO1 tidak dibenarkan dipasang di merata tempat seperti biasanya dan ini jelas menunjukkan bhw BN Sarawak adalah lain dari BN Msia (Malaya). Maka saya yakin rakyat Sarawak tidak akan mahu mengorbankan calon2 Parlimen PBB, PRS, SPDP, bahkan serpihan parti2 ini dgn mengundi PH melalui PKR kecuali DAP bagi SUPP. What would b your best strategy for Sarawak esp PKR dan DAP? Mungkin the best strategy adalah utk ajak rakyat Sarawak protest melalui (a) tak perlu turun mengundi (b) kurangkan majoriti semua calon2 BN Sarawak sebagai tanda tidak sokong BN Pusat (c) Berdiam diri ie dlm istilah Sarawak bermain "politik semun" ie "bersikap dingin".

(4) Di Sabah, pembangkang terkuat mungkin Warisan. Tetapi wujud kelompok pembangkang lain di sana. Kemenangan Pembangkang di Sabah sangat tergantung dgn kebolehan Shafie Apdal utk menyatukan pembangkang2 ini, dan dia sedang kesuntukan masa dan sumber. Saya kira PH harus jgn pecah belahkan pembangkang di Sabah. PH esp PKR harus mainkan peranan sebagai jambatan menyatukan pembangkang di Sabah. Shafie Apdal mesti dilihat mampu menyatukan pembangkang Sabah serta dia juga kelihatan ada taring sebaris PH.

(5) Perhebatkan gerakan Wanita seperti Himpunan Anti Politik Toksik. Cuma di mana orang2 spt Rafidah Aziz malah Zaleha Ismail?

<https://www.youtube.com/watch?v=SjdUIYqwHmo&feature=share>

In Shaa Allah Tun Boleh. Kita Boleh. Malaysia Boleh!

15.



16. [Log in to Reply ismadi](#) Sep 11, 2017 7:18 PM

As Salam Yg Berbahgia Tun Mahathir

PAS ni memang pengacau. Kerja dia dari dulu sampai sekarang dok sembang dan temberang. Orang Kelantan di momokkan dengan Negeri Serambi Mekah dan sebagainya.

PAS tidak membangunkan Islam seperti tuntutan Islam. Yg PAS tahu, menyalahkan orang lain tak ikut Islam.

Itu sahaja survival Parti PAS ni.

Sesiapa yang menyokong PAS harus sedar Parti ini dan UMNO telah bersekedudukan tanpa 'sijil halal'

Marilah bersama sama menolak PArti yang memecahbelahkan ini dan melihat harapan baru bagi Malaysia. INsyaallah.

Sekian Tun Mahathir.

Wassalam. Take Care.

17.



18. [Log in to Reply musato](#) [Sep 11,2017 6:36 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Kadaan sekarang dibaca macam ni ;

1. PAS (Hj Hadi) idak boleh bergabung dengan pembangkang selagi Tun Mahathir ada.
2. Mustahil untuk mengalahkan kerajaan BN.
3. Anwar sendiri hanya fikir untuk pastikan Selangor kekal pada PKR.
4. Typical cara orang Melayu. Mustahil. Semua mustahil.

Terimw kasih Tun.

19.



20. [Log in to Reply The truth](#) [Sep 11,2017 5:20 PM](#)

When you DEAL with AZAZEL this is what you get....

© 2017 Chedet — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=2606>